



JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH

1. Pengurusan Projek Pembangunan
Industri Padi Luar Jelapang

JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH

PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI LUAR JELAPANG



RUMUSAN AUDIT

Pengurusan Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang adalah baik kerana berlaku peningkatan purata pengeluaran tahunan padi pada tahun 2020 berbanding tahun 2019, penyelenggaraan infrastruktur yang dirancang oleh JPSNK telah dilaksanakan serta peruntukan pembangunan di JPNK dan JPSNK telah dibelanjakan melebihi 90%. Bagaimanapun terdapat kelemahan daripada aspek pengurusan aktiviti seperti penyerahan peralatan pertanian mengambil tempoh masa yang panjang, perbezaan data keluasan pasel padi dan keluasan bertanam serta dokumen pewartaan skim pengairan tiada dalam simpanan.

PRESTASI PROJEK



PENCAPAIAN OUTPUT

Prestasi Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang

- » Rancang: **290**
Laksana: **305 (105.2%)**
- » Aktiviti perataan tanah sawah:
Rancang **RM0.54 juta** (515.05 hektar)
Laksana **RM0.42 juta** (447.35 hektar)
- » Aktiviti pengapuran tanah sawah:
Rancang **RM0.69 juta** (675.83 hektar)
Laksana **RM0.63 juta** (660.83 hektar)

Prestasi Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan Sebagai Sokongan

- » Rancang: **117**
Laksana: **141 (120.6 %)**
- » 2 tali air tanah dipenuhi semak samun



PENCAPAIAN KEBERHASILAN

Pengeluaran Padi

- » Pengeluaran Padi (Tan Metrik)
Tahun 2018: **171,715**
Tahun 2019: **159,796 ↓**
Tahun 2020: **164,302 ↑**
- » Purata Pengeluaran Tahunan Padi (Tan Metrik / Hektar)
Tahun 2018: **3.22**
Tahun 2019: **3.01 ↓**
Tahun 2020: **3.09 ↑**

4
SYOR
AUDIT

Pendapatan Pesawah

- » **RM903.24 - RM979.31** sebulan berbanding pendapatan minimum B40 (B1) (RM2,100)

Tahap Kepuasan Pesawah

- » Lebih **50%** responden memberi nilai sangat atau berpuas hati terhadap **5** aspek penilaian iaitu input, khidmat nasihat, infrastruktur subsidi bajak, racun dan baja serta subsidi harga padi

PENGURUSAN PROJEK

Pengurusan Kewangan

- ❑ Peruntukan: **RM7.46 juta (JPNK)**
RM15.49 juta (JPSNK)
- ❑ Perbelanjaan: **RM7.26 juta (JPNK)**
RM14.72 juta (JPSNK)

Pengurusan Peralatan dan Input Pertanian

- ❑ **4 unit** *Insik Cyclonic Trap* telah diserahkan kepada pesawah dalam tempoh 172-259 hari
- ❑ **1 unit** *Insik Cyclonic Trap* belum diserahkan
- ❑ **9 unit** Pam Air Diesel 2" dan 3" diserahkan kepada pesawah dalam tempoh antara 178-388 hari
- ❑ **1 unit** *Agriculture Drone* yang telah diterima pada 30 November 2020 tidak digunakan dan masih berada di dalam stor

Pengurusan Rekod

- ❑ Data sistem Agris Geoportal JPNK tidak dikemas kini
- ❑ Dokumen pewartaan 54 skim pengairan tiada dalam simpanan
- ❑ Perbezaan data pasel padi dan keluasan bertanam



JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH

PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI LUAR JELAPANG

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang bermatlamat untuk meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan pesawah. Antara strategi Jabatan Pertanian Negeri Kedah (JPNK) untuk meningkatkan pengeluaran padi luar jelapang adalah dengan melaksanakan enam program utama iaitu Peningkatan Hasil Tanaman Padi, Peningkatan Kemudahan Jalan Ladang, Program Sawah Gemilang, Galakan dan Promosi Penggunaan Teknologi Baru, Pembangunan Usahawan Padi serta Penyelenggaraan dan Pengendalian. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah (JPSNK) pula bertanggungjawab untuk menyelenggara infrastruktur dan pengairan sebagai sokongan.
- Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, peruntukan bagi Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang berjumlah RM7.46 juta telah diterima daripada Kerajaan Negeri dan sejumlah RM7.26 juta atau 97.3% telah dibelanjakan.
- Pengauditan merangkumi dua bidang utama Audit iaitu prestasi projek dan pengurusan Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang bagi tempoh tahun 2019 hingga tahun 2021.
- Prestasi projek dinilai melalui dua elemen pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan projek pula meliputi tiga perkara iaitu, pengurusan kewangan, pengurusan peralatan dan input pertanian dan pengurusan rekod.
- Pengauditan dilaksanakan dengan batasan skop dan faktor luar kawalan iaitu:

- Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi Peringkat Negeri Kedah, Laporan Penghasilan Padi Tahunan dan Perangkaan Agromakanan bagi tahun 2021 belum dikeluarkan. Bagi membuat perbandingan peningkatan atau penurunan pengeluaran padi tiga tahun (tidak termasuk Program Sawah Gemilang), data tahun 2018 digunakan.
- laporan ini hanya mengambil kira Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang oleh JPNK dan penyelenggaraan infrastruktur dan pengairan oleh JPSNK. Faktor-faktor lain yang mengurangkan keupayaan usaha projek pembangunan industri padi tidak diambil kira dalam menentukan pencapaian pengeluaran padi antaranya penggunaan benih padi, penggunaan baja dan racun, pengurusan penyelidikan padi, penuaian, pemutuan oleh pusat belian padi, pemprosesan di kilang padi serta faktor-faktor di luar kawalan seperti kesan cuaca dan usia pesawah. Ini kerana faktor-faktor tersebut di luar bidang tanggungjawab jabatan terlibat.
- pengurusan subsidi yang dikendalikan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kedah (LPPNK) dan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) tidak diaudit kerana di luar skop pengauditan. Penilaian dibuat hanya berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada pesawah meliputi aspek subsidi baja dan subsidi harga padi.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan dilaksanakan bagi menilai sama ada Pengurusan Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemah bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan pesawah di kawasan luar jelapang.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel dapat dirumuskan prestasi Pengurusan Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang adalah baik kerana berlaku peningkatan purata pengeluaran padi pada tahun 2020 berbanding tahun 2019, penyelenggaraan infrastruktur yang dirancang oleh JPSNK telah dilaksanakan serta peruntukan pembangunan di JPNK dan JPSNK telah dibelanjakan melebihi 90%. Terdapat kelemahan dalam pelaksanaan pengurusan aktiviti seperti berikut:

- tempoh penyerahan kepada pesawah bagi empat unit *Insik Cyclonic Trap* berjumlah RM15,200 mengambil masa 172 hingga 259 hari. Selain itu, seunit *Insik Cyclonic Trap* berjumlah RM3,800 belum diserahkan oleh PPD kepada pesawah di Kampung Baru Teluk, Langkawi dan masih berada dalam stor PPD;
- Penyerahan sembilan unit Pam Air berjumlah RM82,220 yang dibeli pada tahun 2021 mengambil masa antara 178 hingga 388 hari;
- satu unit *Agriculture Drone* yang telah diterima pada 30 November 2020 tidak digunakan dan disimpan di dalam stor;
- enam bekalan di bawah Program Galakan dan Promosi berjumlah RM177,783 dilaksanakan tidak mengikut perancangan (Format A) bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021;
- dua bekalan yang dirancang berjumlah RM129,000 tidak dilaksanakan melibatkan pembekalan dua unit mesin *baler* yang berjumlah RM79,000 dan satu unit Telaga Tiub saiz 3" Diesel berjumlah RM50,000;
- tiada keseragaman data yang dikunci masuk, sama ada semusim atau dua musim ke dalam Sistem Agris Geoportal;
- dokumen warta bagi semua 54 skim pengairan tiada dalam simpanan JPSNK; dan
- perbezaan data keluasan pabel padi dan keluasan bertanam.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dan perkara yang sama tidak berulang pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara mengesyorkan pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
 - JPNK perlu menetapkan sasaran bagi pengeluaran tan metrik padi dan keluasan bertanam padi supaya prestasi projek dapat diukur dan dinilai dari semasa ke semasa;

- JPSNK perlu menyediakan jadual penyelenggaraan berkala bagi tujuan memohon peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri;
- JPKNK perlu menyediakan penetapan masa penyerahan peralatan pertanian supaya ianya dapat diagih dan digunakan pada kadar segera oleh pesawah; dan
- koordinasi antara jabatan/agensi yang terlibat perlu dibuat bagi menyelesaikan masalah pengurusan rekod. Penyelarasan dan pemutihan data adalah penting bagi memastikan pemberian subsidi baja padi dan racun dapat diberikan hanya kepada pesawah yang layak berdasarkan keluasan bertanam sebenar.

JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH

1. PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI LUAR JELAPANG

FAKTA UTAMA

Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2019 hingga 2021 RM21.98 Juta	Pengeluaran Padi Tahun 2018 hingga 2020 (Tan Metrik)	Purata Pengeluaran Padi Luar Jelapang (Tan Metrik/Hektar)		
JPNK: RM7.26 Juta	Negeri Kedah 2.72 Juta	Tahun 2018	Tahun 2019	Tahun 2020
JPSNK: RM14.72 Juta	Dalam Luar Jelapang 2.22 Juta 0.5 Juta	3.22	3.01	3.09
Jabatan	Fungsi			
Jabatan Pertanian Negeri Kedah	melaksanakan kerja pengembangan pertanian bagi memajukan sektor pertanian.			
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah	membangun, mengendali dan menyelenggara kemudahan pengairan bagi menyokong pembangunan dan kemajuan sektor pertanian yang ditetapkan.			

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Pertanian Negeri Kedah (JPNK) bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja pengembangan pertanian bagi memajukan sektor pertanian. JPNK memperkenalkan Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang bermatlamat untuk meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan pesawah. Antara strategi JPNK untuk meningkatkan pengeluaran padi luar jelapang adalah dengan melaksanakan enam program utama iaitu Peningkatan Hasil Tanaman Padi, Peningkatan Kemudahan Jalan Ladang, Program Sawah Gemilang, Galakan dan Promosi Penggunaan Teknologi Baru, Pembangunan Usahawan Padi serta Penyelenggaraan dan Pengendalian. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah (JPSNK) juga berperanan dalam projek ini iaitu dengan membangun, mengendali dan menyelenggara kemudahan pengairan bagi menyokong pembangunan dan kemajuan sektor pertanian yang ditetapkan.

1.2. Pelaksanaan Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang di negeri Kedah adalah selaras dengan Dasar Agromakanan Negara untuk menjamin bekalan makanan, menjadikan industri agromakanan berdaya saing dan mampan serta meningkatkan tahap pendapatan kumpulan sasar. Kawasan penanaman padi di negeri Kedah terbahagi kepada kawasan jelapang dan kawasan luar jelapang. Kawasan jelapang merupakan kawasan penanaman padi yang dikawal selia oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda/*Muda Agricultural Development Authority* (MADA). Kawasan luar jelapang pula dikawal selia oleh JPNK dan JPSNK.

1.3. Sehingga tahun 2020, keluasan bertanam padi di negeri Kedah adalah 106,825 hektar dengan jumlah pesawah bagi jelapang dan luar jelapang masing-masing 42,980 dan 19,368 orang. Kawasan luar jelapang mewakili 26,218 hektar atau 24.5% daripada keseluruhan kawasan bertanam padi di negeri Kedah. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KELUASAN BERTANAM PADI DAN BILANGAN PESAWAH
DI NEGERI KEDAH SEHINGGA TAHUN 2020

KAWASAN BERTANAM PADI	KELUASAN		PESAWAH	
	HEKTAR *	%	ORANG *	%
Jelapang	80,607	75.5	42,980	68.9
Luar Jelapang	26,218	24.5	19,368	31.1
JUMLAH KESELURUHAN	106,825	100	62,348	100


Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah, Lembaga Pertubuhan Peladang dan MADA

Nota: (*) - Merupakan data daripada rekod Musim Luar (M2)

1.4. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, peruntukan bagi Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang adalah berjumlah RM7.46 juta telah diterima oleh JPNK daripada Kerajaan Negeri dan sejumlah RM7.26 juta atau 97.3% telah dibelanjakan. Bagi tempoh yang sama, JPSNK juga telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM15.49 juta dan sejumlah RM14.72 juta atau 95.0% telah dibelanjakan bagi penyelenggaraan infrastruktur dan pengairan sebagai sokongan.

1.5 Agensi lain yang terlibat secara tidak langsung dalam projek ini ialah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kedah (LPPNK) yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Insentif Pengeluaran Padi (IPP) Bantuan Input Pertanian, Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Insentif Pembajakan Kepada Pesawah dan Skim Insentif Pengeluaran Beras (SIPB) bagi kawasan luar jelapang. Penjelasan lanjut mengenai aktiviti penanaman padi jelapang dan luar jelapang adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1



2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang telah dilaksanakan dengan cekap dan berhemah bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan pesawah di kawasan luar jelapang.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan merangkumi dua bidang utama Audit iaitu prestasi projek dan pengurusan projek pembangunan industri padi luar jelapang bagi tahun 2019 hingga tahun 2021. Prestasi projek dinilai melalui elemen pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan projek pula meliputi tiga perkara iaitu pengurusan kewangan, pengurusan peralatan dan input pertanian dan pengurusan rekod.

3.2. Pengauditan dilaksanakan dengan batasan skop dan faktor luar kawalan iaitu:

- Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi Peringkat Negeri Kedah, Laporan Penghasilan Padi Tahunan dan Perangkaan Agromakanan bagi tahun 2021 belum dikeluarkan. Bagi membuat perbandingan peningkatan atau penurunan pengeluaran padi tiga tahun tidak termasuk Program Sawah Gemilang), data tahun 2018 digunakan.

- b. Laporan ini hanya mengambil kira Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang oleh JPNK dan penyelenggaraan infrastruktur dan pengairan oleh JPSNK. Faktor-faktor lain yang mengurangkan keupayaan usaha projek pembangunan industri padi tidak diambil kira dalam menentukan pencapaian pengeluaran padi antaranya penggunaan benih padi, penggunaan baja dan racun, pengurusan penyelidikan padi, penuaian, pemutuan oleh pusat belian padi, pemprosesan di kilang padi serta faktor-faktor di luar kawalan seperti kesan cuaca dan usia pesawah. Ini kerana faktor-faktor tersebut di luar bidang tanggungjawab jabatan terlibat.
- c. Pengurusan subsidi yang dikendalikan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kedah (LPPNK) dan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) tidak diaudit kerana di luar skop pengauditan. Penilaian dibuat hanya berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada pesawah meliputi aspek subsidi baja dan subsidi harga padi.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Ibu Pejabat JPNK dan JPSNK, lima Pejabat Pertanian Daerah (PPD), lima Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah dan Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal (BPME). Temu bual dan perbincangan bersama-sama pegawai yang terlibat di JPNK, JPSNK dan LPPNK turut dilakukan. Lawatan Audit dijalankan bagi mengesahkan bekalan/perkhidmatan/kerja yang dilaksanakan di lima daripada 12 daerah iaitu Langkawi, Sik, Padang Terap, Kuala Muda dan Kulim. Borang soal selidik juga diedarkan kepada 148 pesawah bagi menilai tahap kepuasan mereka terhadap pelaksanaan Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan dijalankan antara bulan Mac hingga Ogos 2022. Perkara yang ditemui dan maklum balas dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 7 Disember 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Projek

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Prestasi Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang

- a. Berdasarkan Anggaran Belanjawan Tahun 2019 hingga 2021 JPNK, teras Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang memberi fokus kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan pesawah melalui tahap kesempurnaan infrastruktur serta struktur petak sawah, pengurusan operasi dan pengamalan teknologi melalui enam program yang dirancang oleh JPNK diringkaskan seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SKOP DAN AKTIVITI YANG DIRANCANG JPNK MENGIKUT PROGRAM
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

KOD PROGRAM	JENIS PROGRAM	SKOP DAN AKTIVITI
01001	Peningkatan Hasil Tanaman Padi	i. Aktiviti perataan tanah sawah ii. Aktiviti peningkatan kemudahan infrastruktur sawah iii. Aktiviti peningkatan pH tanah (pengapuran) iv. Aktiviti aplikasi teknologi dalam perusahaan tanaman padi v. Pembinaan telaga tiub (kemarau)
01002	Peningkatan Kemudahan Jalan Ladang	i. Pembinaan jalan ladang baharu ii. Penyelenggaraan jalan ladang dan lintasan ladang sedia ada
01003	Program Sawah Gemilang	i. Kerja-kerja pembangunan infrastruktur ii. Keperluan bahan input iii. Pengurusan ladang iv. Peralatan teknologi terkini berdasarkan pakej teknologi disyorkan JPNK
01004	Galakan dan Promosi Penggunaan Teknologi Baru	i. Sistem pengurusan air ii. Pengurusan perosak bersepadu iii. Penggunaan varieti yang disyorkan iv. Penggunaan baja yang bersesuaian v. Pengurusan rumpai, makhluk perosak dan penyakit vi. Aktiviti pengendalian lepas tuai vii. Penggunaan peralatan dan mekanisasi perladangan viii. Latihan dan aktiviti pengembangan yang dikenal pasti ix. Promosi bersesuaian
01005	Pembangunan Usahawan Padi	i. Sokongan dalam aspek pemulihan kawasan, peningkatan infrastruktur dan insentif lain yang bersesuaian
01006	Penyelenggaraan dan Pengendalian	i. Aktiviti pelaksanaan, perkhidmatan pengesanan dan penilaian pembangunan ii. Kos mengadakan kenderaan pengangkutan dan peralatan operasi (bahan api, alat ganti, kerja pembaikan, tuntutan lebih masa pegawai, pembelian bahan, pembelian peralatan, perbelanjaan perkhidmatan, dan pembelian peralatan elektronik)

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

- b. Perenggan 3.1 Dasar Kelulusan Pelaksanaan Projek atau Program di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2021 menyatakan setiap projek atau program yang dirancang menggunakan Peruntukan Pembangunan Negeri Kedah diwajibkan mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK). Semakan Audit terhadap Laporan Format A (Butiran Keperluan Infrastruktur dan Peruntukan Bagi Projek Pembangunan) dan Laporan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) mendapati pada **tahun 2019 hingga 2021, sebanyak 290 aktiviti telah dirancang dan 305 aktiviti (105.2%) telah dilaksanakan oleh JPNK di bawah Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang** seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI DI BAWAH JPNK
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	BILANGAN AKTIVITI			PENCAPAIAN (%)
	RANCANG	LAKSANA	BEZA	
2019	82	95	13	115.9
2020	94	94	0	100.0
2021	114	116	(2)	101.8
JUMLAH	290	305	15	105.2

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tahun 2019 JPNK telah melaksanakan 95 aktiviti berbanding 82 aktiviti yang dirancang. Bagi tahun 2020 pula menunjukkan kesemua 94 aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan. Bagi tahun 2021, JPNK terlebih melaksanakan dua aktiviti berbanding yang dirancang. Perbezaan ini disebabkan pertukaran dan pertambahan kawasan aktiviti meliputi peruntukan yang sedia ada dan telah mendapat kelulusan pelaksanaan daripada SUK. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENCAPAIAN PELAKSANAAN AKTIVITI MENGIKUT JENIS PROGRAM OLEH JPNK BAGI
TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

JENIS PROGRAM	BILANGAN AKTIVITI		
	RANCANG	LAKSANA	BEZA (LEBIH/(KURANG))
TAHUN 2019			
Peningkatan Hasil Tanaman Padi	36	41	5
Peningkatan Kemudahan Jalan Ladang	20	24	4
Program Sawah Gemilang	20	23	3
Galakan dan Promosi Penggunaan Teknologi Baru	3	4	1
Pembangunan Usahawan Padi	3	3	0
Penyelenggaraan dan Pengendalian	TP	TP	TP
JUMLAH	82	95	13

JENIS PROGRAM	BILANGAN AKTIVITI		
	RANCANG	LAKSANA	BEZA (LEBIH/(KURANG))
TAHUN 2020			
Peningkatan Hasil Tanaman Padi	42	38	(4)
Peningkatan Kemudahan Jalan Ladang	21	23	2
Program Sawah Gemilang	24	25	1
Galakan dan Promosi Penggunaan Teknologi Baru	7	8	1
Pembangunan Usahawan Padi	TP	TP	TP
Penyelenggaraan dan Pengendalian	TP	TP	TP
JUMLAH	94	94	0
TAHUN 2021			
Peningkatan Hasil Tanaman Padi	48	49	1
Peningkatan Kemudahan Jalan Ladang	28	28	0
Program Sawah Gemilang	27	26	(1)
Galakan dan Promosi Penggunaan Teknologi Baru	7	9	2
Pembangunan Usahawan Padi	4	4	0
Penyelenggaraan dan Pengendalian	TP	TP	TP
JUMLAH	114	116	2
JUMLAH KESELURUHAN	290	305	15

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Nota: TP - Tiada Perancangan

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, pencapaian output berdasarkan prestasi Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang adalah baik kerana JPNK telah melaksanakannya walaupun terdapat pertukaran dan pertambahan kawasan aktiviti meliputi peruntukan sedia ada.

5.1.1.2. Prestasi Program Peningkatan Hasil Tanaman Padi

JPNK menerima peruntukan tertinggi bagi Program Peningkatan Hasil Tanaman Padi berbanding lima program yang lain. Di bawah program ini, aktiviti perataan tanah sawah ditetapkan pada kadar maksimum RM800 per hektar dan aktiviti pengapuran pada kadar maksimum RM1,000 per hektar telah dijalankan. Bagi aktiviti perataan, keadaan petak sawah yang rata adalah sangat penting supaya pengawalan pakej teknologi seperti pengurusan air, pembajaan dan kawalan rumpai dilaksanakan dengan sempurna. Aktiviti pengapuran pula bertujuan memastikan pH tanah sawah tidak berasid (masam) dan tanah mempunyai Keupayaan Pertukaran Kation (KPK) yang sesuai bagi mendapatkan pertumbuhan pokok padi yang optimum.

a. Aktiviti Perataan Tanah Sawah

- i. Berdasarkan Laporan Format A, aktiviti perataan tanah sawah yang dirancang seluas 515.05 hektar melibatkan peruntukan berjumlah RM0.54 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap baucar bayaran dan Laporan TAHAP mendapati **aktiviti perataan tanah sawah telah dilaksanakan di 447.35 hektar (86.9%) dengan peruntukan berjumlah RM416,322 (77.8%)**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI PERATAAN TANAH SAWAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	KELUASAN (HEKTAR)			PERUNTUKAN (RM Juta)			BEZA	
	RANCANG	LAKSANA	%	RANCANG	LAKSANA	%	KELUASAN (HEKTAR)	PERUNTUKAN (RM Juta)
2019	140	137	97.9	0.20	0.15	75.0	3	0.05
2020	46	37	80.4	0.06	0.05	83.3	9	0.01
2021	329.05	273.35	83.1	0.28	0.22	78.6	55.7	0.06
JUMLAH	515.05	447.35	86.9	0.54	0.42	77.8	67.7	0.12

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati **enam aktiviti perataan tanah sawah melibatkan keluasan 67.7 hektar dengan peruntukan berjumlah RM61,900 tidak dilaksanakan**. Kerja perataan tidak dapat dilaksanakan disebabkan faktor cuaca iaitu hujan yang berterusan hingga tanah ditakungi air. Kesannya tanah di kawasan tersebut menjadi tidak rata dan padi tumbuh tidak sekata. Butiran aktiviti perataan tanah sawah yang tidak dilaksanakan seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
AKTIVITI PERATAAN TANAH SAWAH TIDAK DILAKSANAKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

DAERAH	BIL.	PERIHAL AKTIVITI DAN LOKASI	KELUASAN (HEKTAR)	PERUNTUKAN (RM)
TAHUN 2019				
Kuala Muda	1.	Perataan tanah sawah - kering (Kampung Bukit Tukang Jusuh, Mukim Bukit Meriam)	3	4,500
JUMLAH			3	4,500
TAHUN 2020				
Padang Terap	1.	Perataan sawah (Kampung Kuala Pai, Mukim Padang Temak)	9	4,400
JUMLAH			9	4,400

DAERAH	BIL.	PERIHAL AKTIVITI DAN LOKASI	KELUASAN (HEKTAR)	PERUNTUKAN (RM)
TAHUN 2021				
Kuala Muda	1.	Pakej perataan tanah sawah (Kampung Padang Regent)	15	25,000
Sik	2.	Perataan tanah (Kampung Tanjung Belit)	20	20,000
Bandar Baharu	3.	Perataan (Kampung Kubu, Mukim Bagan Samak)	20	8,000
Yan	4.	Perataan (Kampung Padang Cina, Kampung Padang Limau dan Kampung Singkir Badong)	0.7	00.00
JUMLAH			55.7	53,000
JUMLAH KESELURUHAN			67.7	61,900

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

b. Aktiviti Pengapuran

- i. Berdasarkan Laporan Format A, peruntukan bagi aktiviti pengapuran tanah sawah adalah berjumlah RM0.69 juta melibatkan kawasan seluas 675.83 hektar bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap baucar bayaran dan Laporan TAHAP mendapati **aktiviti pengapuran tanah sawah hanya dilaksanakan di kawasan seluas 660.83 hektar (97.8%) melibatkan peruntukan berjumlah RM0.63 juta (91.3%)**. Butiran perancangan dan pelaksanaan aktiviti pengapuran seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENGAPURAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	KELUASAN (HEKTAR)			PERUNTUKAN (RM Juta)			BEZA	
	RANCANG	LAKSANA	%	RANCANG	LAKSANA	%	KELUASAN (HEKTAR) (LEBIH/(KURANG))	PERUNTUKAN (RM Juta)
2019	395.78	291.78	73.7	0.39	0.28	71.8	(104)	0.11
2020	141.00	244.00	173.1	0.16	0.23	143.8	103	0.07
2021	139.05	125.05	89.9	0.14	0.12	85.7	(14)	0.02
JUMLAH KESELURUHAN	675.83	660.83	97.8	0.69	0.63	91.3	15	0.20

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tujuh aktiviti pengapuran dengan peruntukan berjumlah RM118,620 telah dirancang tetapi tidak dilaksanakan melibatkan keluasan 118 hektar** bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KERJA PENGAPURAN YANG DIRANCANG TIDAK DILAKSANAKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 DAN 2021

DAERAH	BIL.	PERIHAL AKTIVITI DAN LOKASI	KELUASAN (HEKTAR)			PERUNTUKAN (RM)
			RANCANG	LAKSANA	BEZA (LEBIH/ (KURANG)	
TAHUN 2019						
Bandar Baharu	1.	Pengapuran (GML) @ 50kg/beg (Kampung Kubu, Mukim Bagan Samak)	40	0	(40)	40,000
	2.	Pengapuran (GML) @ 50kg/beg (Kampung Parit Teropong, Mukim Bagan Samak)	40	0	(40)	40,000
Kuala Muda	3.	Pengapuran @ 3 tan/hektar (Kampung Kubang Jambu, Mukim Kota)	21	0	(21)	18,900
	4.	Pengapuran @ 3 tan/hektar (Kampung Bukit Tukang Jusuh, Mukim Bukit Meriam)	3	0	(3)	2,700
JUMLAH			104	0	(104)	101,600
TAHUN 2021						
Kuala Muda	1.	Pengapuran secara kering (Kampung Padang Regent)	15	0	(15)	15,000
	2.	Pengapuran (Kampung Wang Tepus)	22	20	(2)	2,020
	3.	Pengapuran (Kampung Betong dan Kampung Batu Lima)	21.75	24.75	3	-
JUMLAH			58.75	44.75	(14)	17,020
JUMLAH KESELURUHAN			162.75	44.75	(118)	118,620

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Maklum Balas JPNK pada 6 Disember 2022

Kerja-kerja perataan dan pengapuran dilaksanakan pada musim kemarau iaitu bulan Januari hingga Mac setiap tahun. Kerja-kerja ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan faktor cuaca yang tidak mengizinkan, persetujuan peserta dan perubahan jadual tanaman. Bermula tahun 2020, kelulusan khas telah dimohon bagi membolehkan kelulusan awal diperolehi pada awal tahun. Perancangan kerja telah dibuat pada tahun sebelumnya.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, pencapaian output berdasarkan prestasi Program Peningkatan Hasil Tanaman Padi adalah baik kerana JPNK telah melaksanakan lebih 90% dari aspek perancangan keluasan dan peruntukan yang diterima.

5.1.1.3. Prestasi Projek Infrastruktur Pengairan Sebagai Sokongan

- a. Berdasarkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2019 hingga 2021, komponen projek yang dirancang oleh JPSNK adalah membina struktur pengairan, membina dan menaik taraf tali air dan saliran, membina dan menaik taraf rangkaian jalan ladang, membina rumah pam serta mengorek dan mendalam parit.
- b. Semakan Audit terhadap Laporan TAHAP **bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 mendapati sebanyak 141 (120.6%) projek telah dilaksanakan oleh JPSNK berbanding 117 yang dirancang.** Pada tahun 2019, JPSNK telah melaksanakan 49 projek berbanding 42 projek yang dirancang. Bagi tahun 2020 dan tahun 2021, sebanyak 46 dan 29 projek yang dirancang dan sebanyak masing-masing 57 dan 35 projek telah dilaksanakan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROJEK OLEH JPSNK
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	BILANGAN PROJEK			PENCAPAIAN (%)
	RANCANG	LAKSANA	BEZA (LEBIH/(KURANG))	
2019	42	49	7	116.7
2020	46	57	11	123.9
2021	29	35	6	120.9
JUMLAH	117	141	24	120.6

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah

- c. Lawatan Audit pada 6 Julai 2022 ke Kampung Bukit Ular, daerah Padang Terap dan pada 20 Julai 2022 ke Kampung Sungai Jagung, daerah Kuala Muda bersama pegawai JPSNK berkaitan turut dijalankan bagi mengesahkan dua kerja penyelenggaraan tali air tanah di kawasan tersebut. Kerja penyelenggaraan di Kampung Bukit Ular telah diperakui bayaran berjumlah RM60,679 pada 24 Ogos 2021 dan kerja di Kampung Sungai Jagung berjumlah RM41,112 pada 30 November 2021.
- d. Temu bual dengan pegawai JPSNK memaklumkan penyelenggaraan terhadap tali air dibuat dua kali setahun secara giliran kerana bergantung kepada peruntukan yang diterima. Pihak Audit mendapati **tali air tanah di dua kawasan tersebut telah dipenuhi rumput, pasir dan semak samun yang boleh menyekat saliran air** seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**. Keadaan ini memerlukan penyelenggaraan yang kerap supaya saliran air dapat berfungsi dengan baik.

GAMBAR 1



GAMBAR 2



Kampung Bukit Ular, Padang Terap
- Tali Air Tanah yang Diselanggara Telah Dipenuhi Rumput, Pasir dan Semak Samun
(06.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



GAMBAR 4



Kampung Sungai Jagung, Kuala Muda
- Tali Air Tanah yang Telah Diselanggara Telah Dipenuhi Rumput, Pasir dan Semak Samun
(20.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas JPSNK pada 22 November 2022

Kerja-kerja penyelenggaraan tali air tanah di Kampung Bukit Ular telah siap dilaksanakan pada 12 Ogos 2022. Bagi Kampung Sungai Jagung, kerja penyelenggaraan berkala dua kali setahun dijalankan bergantung kepada peruntukan semasa di dalam kawasan skim pengairan JPS sahaja. Bagi kawasan luar skim, tiada penyelenggaraan berkala dan akan dilaksanakan sekiranya mendapat peruntukan tambahan.

Pendapat Audit	Prestasi penyelenggaraan infrastruktur tali air adalah baik kerana JPSNK menjalankan kerja penyelenggaraan berdasarkan peruntukan yang diterima. Penyelenggaraan tali air tanah perlu kerap dibuat kerana cepat dipenuhi dengan rumput, pasir dan semak samun serta menyekat saluran air.
-----------------------	--

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* menetapkan jabatan membuat penilaian tahap keberhasilan dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian tersebut bertujuan mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksana telah mencapai objektif yang ditetapkan dan memberi impak kepada golongan sasaran. Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan kepada tiga petunjuk prestasi iaitu pengeluaran padi dan pendapatan yang diperoleh pesawah. Selain itu, soal selidik tahap kepuasan pesawah terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh JPNK dan JPSNK serta pemberian subsidi oleh LPPNK dan BERNAS turut dilakukan.

5.1.2.1. Pengeluaran Padi

- a. Berdasarkan Laporan Perangkaan Agromakanan 2020 dan *Booklet* Statistik Tanaman 2021, pengeluaran padi luar jelapang di negeri Kedah bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 adalah 495,813 tan metrik iaitu masing-masing berjumlah 171,715 tan metrik, 159,796 tan metrik dan 164,302 tan metrik setahun. Purata pengeluaran tahunan padi luar jelapang pula adalah antara 3.01 tan metrik hingga 3.22 tan metrik per hektar bagi tempoh tersebut. Perbandingan keluasan bertanam, pengeluaran padi dan purata pengeluaran tahunan bagi kawasan luar jelapang dan jelapang di negeri Kedah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERBANDINGAN PENGELUARAN PADI BAGI KAWASAN JELAPANG DAN LUAR JELAPANG
DI NEGERI KEDAH BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

BUTIRAN	TAHUN								
	2018			2019			2020		
	LJ	J	JUMLAH	LJ	J	JUMLAH	LJ	J	JUMLAH
Keluasan Bertanam Tahunan (Hektar/Peratus) (a)	53,414 (24.9%)	161,178 (75.1%)	214,592	53,060 (24.8%)	161,192 (75.2%)	214,252	53,246 (24.8%)	161,082 (75.2%)	214,328
Pengeluaran Padi (Tan Metrik/Peratus) (b)	171,715 (18.0%)	783,947 (82.0%)	955,662	159,796 (18.6%)	699,222 (81.4%)	859,018	164,302 (18.0%)	749,898 (82.0%)	914,200
Purata Pengeluaran Tahunan Padi (per hektar) (c) = (b)/(a)	3.22	4.86	4.45	3.01	4.34	4.01	3.09	4.66	4.27

Sumber: Perangkaan Agromakanan 2020 dan *Booklet* Statistik Tanaman 2021

Nota: LJ - Luar Jelapang

J - Jelapang

- b. Analisis Audit mendapati purata pengeluaran padi luar jelapang yang tertinggi mengikut musim tanpa mengambil kira keluasan bertanam padi adalah pada M1/2019 iaitu 3.38 tan metrik per hektar dan yang terendah pula adalah pada M2/2019 iaitu 2.63 tan metrik per hektar. Purata pengeluaran tahunan padi kawasan luar jelapang bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 menunjukkan trend turun naik sebanyak 3.22 tan metrik per hektar, 3.01 tan metrik per hektar dan 3.09 tan metrik per hektar seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PURATA PENGELUARAN TAHUNAN PADI LUAR JELAPANG
BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

BUTIRAN	PENGELUARAN PADI LUAR JELAPANG (TAN METRIK)											
	2018				2019				2020			
	M1	%	M2	%	M1	%	M2	%	M1	%	M2	%
Keluasan Pasel (Hektar)	29,706	-	29,265	-	29,328	-	29,382	-	29,328	-	29,382	-
Keluasan Bertanam (Hektar)	27,236	92.2	26,514	90.6	26,889	91.7	26,118	88.9	26,940	91.9	26,218	89.2
Purata Pengeluaran Padi Semusim (per hektar) (a)	3.09	-	3.34	-	3.38	-	2.63	-	3.11	-	3.07	-
Purata Pengeluaran Tahunan Padi (per hektar) (b)	3.22				3.01				3.09			

Sumber: Keputusan Awal Penyiasatan Pengeluaran Padi, Jabatan Pertanian Negeri Kedah dan *Booklet* Statistik Tanaman 2021

Nota: Purata Keseluruhan Tahunan mengikut *Booklet* Statistik Tanaman 2021

% (b)=(a)M1+(a)M2/2

- c. Analisis Audit selanjutnya terhadap Keputusan Awal Penyiasatan Pengeluaran Padi Peringkat Negeri Kedah mendapati daerah Kulim mencatatkan purata pengeluaran padi tertinggi pada tahun 2018 dan 2019 iaitu sebanyak 4.06 tan metrik per hektar dan 3.43 tan metrik per hektar. Bagi tahun 2020, purata pengeluaran tertinggi di daerah Kuala Muda iaitu sebanyak 3.55 tan metrik per hektar. Pengeluaran padi yang tinggi di daerah Kuala Muda dipengaruhi oleh faktor keluasan bertanam yang luas iaitu 7,156 (26.6%) daripada 26,940 hektar dan liputan infrastruktur pengairan yang baik (dalam skim) iaitu 4,845 (67.7%) daripada 7,156 hektar. Pengeluaran padi terendah bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 adalah dicatatkan di daerah Bandar Baharu dan Sik iaitu sebanyak 1.88 tan metrik per hektar dan 2.13 tan metrik per hektar. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PURATA PENGELUARAN PADI MENGIKUT DAERAH BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

DAERAH	PURATA PENGELUARAN PADI (TAN METRIK PER HEKTAR)								
	2018			2019			2020		
	M1	M2	PURATA TAHUNAN	M1	M2	PURATA TAHUNAN	M1	M2	PURATA TAHUNAN
Baling	2.80	2.18	2.49	2.48	2.39	2.44	2.31	2.65	2.48
Bandar Baharu	2.54	1.21	1.88	3.35	1.07	2.21	3.13	2.55	2.84
Pokok Sena	2.77	3.91	3.34	3.13	3.36	3.25	2.93	2.98	2.96
Kuala Muda	3.16	3.44	3.30	3.70	2.44	3.07	3.45	3.65	3.55
Kubang Pasu	3.48	3.41	3.44	3.44	1.56	2.50	3.22	2.35	2.79
Kulim	3.60	4.51	4.06	2.92	3.94	3.43	2.73	3.17	2.95
Langkawi	2.69	3.65	3.17	2.53	2.20	2.37	2.36	1.98	2.17
Padang Terap	2.54	2.71	2.63	3.60	2.68	3.14	3.36	3.15	3.26
Pendang	3.84	3.79	3.82	3.49	3.29	3.39	3.26	3.42	3.34
Sik	2.91	1.98	2.45	2.32	1.94	2.13	2.16	2.09	2.13
Yan	3.40	4.06	3.73	3.71	2.82	3.27	3.46	3.61	3.54

Sumber: Keputusan Awal Penyiasatan Pengeluaran Padi, Jabatan Pertanian Negeri Kedah

- d. Antara faktor yang mempengaruhi pengeluaran padi adalah keluasan bertanam pada sesuatu musim. Pada tahun 2018 hingga 2020, keluasan pabel padi adalah antara 29,265 hingga 29,706 hektar bagi kedua-dua musim. Keluasan bertanam padi tertinggi adalah sebanyak 27,236 hektar (91.7%) bagi M1/2018 manakala yang terendah adalah 26,118 hektar (88.9%) bagi M2/2019. Keluasan tidak bertanam padi adalah antara 2,470 hektar (8.3%) hingga 3,264 hektar (11.1%). **JPNK tidak menetapkan sasaran keluasan bertanam padi luar jelapang yang sepatutnya dicapai setiap musim.** Butiran selanjutnya seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
KELUASAN BERTANAM PADI LUAR JELAPANG BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

KATEGORI	TAHUN											
	2018				2019				2020			
	M1	%	M2	%	M1	%	M2	%	M1	%	M2	%
Keluasan Pabel (Hektar) (a)	29,706		29,265		29,328		29,382		29,328		29,382	
Keluasan Bertanam (Hektar) (b)	27,236	91.7	26,514	90.6	26,889	91.7	26,118	88.9	26,940	91.9	26,218	89.2
Keluasan Tidak Bertanam (Hektar) (c)	2,470	8.3	2,751	9.4	2,439	8.3	3,264	11.1	2,388	8.1	3,164	10.8

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Nota: % (b)=(b)/(a) dan % (c)=(c)/(a)


- e. Analisis Audit mendapati pada tahun 2018, daerah Sik menunjukkan peningkatan bagi keluasan bertanam tertinggi sebanyak 65 hektar berbanding musim sebelumnya. Pengurangan keluasan bertanam di daerah Langkawi bagi tahun 2018 hingga 2020 dengan masing-masingnya 193 hektar, 601 hektar dan 623 hektar berbanding musim sebelumnya pada tahun yang sama. Antara sebab penurunan keluasan bertanam kerana pesawah tidak mengusahakan tanaman padi. Lawatan Audit pada 27 Julai 2022 bersama pegawai JPNK ke Kampung Teluk Baru Langkawi menunjukkan kawasan penanaman padi telah ditambah tanah seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**. Analisis lanjut terhadap keluasan bertanam padi bagi sampel lima daerah adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
TREND PENINGKATAN DAN PENGURANGAN KELUASAN BERTANAM
MELIBATKAN SAMPEL DAERAH DIPILIH BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

BIL.	DAERAH	2018			2019			2020		
		KELUASAN BERTANAM (HEKTAR)		PENINGKATAN/ (PENGURANGAN) (HEKTAR)	KELUASAN BERTANAM (HEKTAR)		PENINGKATAN/ (PENGURANGAN) (HEKTAR)	KELUASAN BERTANAM (HEKTAR)		PENINGKATAN/ (PENGURANGAN) (HEKTAR)
		M1	M2		M1	M2		M1	M2	
1.	Langkawi	2,635	2,442	(193)	2,651	2,050	(601)	2,661	2,038	(623)
2.	Kuala Muda	7,157	7,161	4	7,152	7,152	0	7,156	7,156	0
3.	Padang Terap	3,814	3,718	(96)	3,814	3,814	0	3,814	3,835	21
4.	Kulim	643	643	0	643	643	0	643	611	(32)
5.	Sik	747	812	65	787	787	0	787	787	0


Sumber: Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi, JPNK

GAMBAR 5



Kampung Teluk Baru, Langkawi
- Tanah Sawah Telah Ditambun Tanah
(27.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Kampung Teluk Baru, Langkawi
- Tanah Sawah Telah Ditambun Tanah
(27.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- f. Selain itu, JPNK memperkenalkan Program Sawah Gemilang yang bertujuan meningkatkan pengeluaran padi melalui program pengembangan di kawasan projek tanaman padi bersasar meliputi kerja-kerja pembangunan infrastruktur, keperluan bahan input, pengurusan ladang serta peralatan teknologi terkini berdasarkan pakej teknologi yang disyorkan oleh JPNK. Sehingga tahun 2021, program ini melibatkan 42 kampung di 11 daerah di negeri Kedah.
- g. Semakan Audit terhadap Laporan TAHAP mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 dan sejumlah RM2.51 juta (96.5%) telah dibelanjakan bagi program tersebut. Terdapat enam buah kampung yang mempunyai keluasan bertanam 404.18 hektar telah menerima peruntukan bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Peruntukan yang diterima pada tahun tersebut adalah berjumlah RM0.68 juta.
- h. Analisis Audit mendapati **dengan keluasan bertanam yang sama, purata hasil pengeluaran padi bagi tahun 2020 adalah 40.1 tan metrik menurun sebanyak 3.84 tan metrik atau 8.7% berbanding tahun 2019 iaitu 43.94 tan metrik.** Pengurangan purata hasil pengeluaran padi pada tahun 2020 disebabkan oleh serangan penyakit dan makhluk perosak serta berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagaimanapun, **pada tahun 2021 berlaku peningkatan terhadap purata hasil pengeluaran padi sebanyak 3.48 tan metrik atau 8.7% menjadi 43.58 tan metrik berbanding tahun 2020.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PURATA PENGELUARAN BAGI ENAM KAMPUNG
PROGRAM SAWAH GEMILANG BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	DAERAH	NAMA KAMPUNG	LUAS (HEKTAR)	TAHUN 2019		TAHUN 2020		TAHUN 2021	
				NILAI BANTUAN (RM)	PURATA PENGELUARAN (TAN METRIK)	NILAI BANTUAN (RM)	PURATA PENGELUARAN (TAN METRIK)	NILAI BANTUAN (RM)	PURATA PENGELUARAN (TAN METRIK)
1.	Langkawi	Kampung Baru/Teluk, Mukim Ulu Melaka	60.00	37,445	8.05	48,440	6.27	70,930	5.55
2.	Kubang Pasu	Kampung Kubu	46.40	35,726	7.00	3,480	7.40	21,410	7.60
3.	Kuala Muda	Kampung Jilid 4	110.84	64,777	7.84	45,800	7.34	19,988	13.8
4.		Kampung Permatang Ringan	126.00	128,200	8.20	17,700	8.00	18,530	4.00
5.	Sik	Kampung Tanjung Besar	21.00	48,490	3.43	23,100	2.75	49,992	3.79
6.	Kulim	Kampung Bukit Sidam	39.94	14,340	9.42	16,750	8.34	19,910	8.84
JUMLAH			404.18	328,978	43.94	155,270	40.10	200,760	43.58

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

- i. Selain itu, pembangunan infrastruktur di kawasan pengairan Bukit Sena antara lain bertujuan adalah untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi sehingga enam tan per hektar. Kawasan ini meliputi dua mukim iaitu mukim Pedu (lima kampung) dan mukim Tekai Kiri (empat kampung) melibatkan keluasan bertanam seluas 810 hektar. Infrastruktur yang dibina adalah enam buah pam yang dibina bagi mengagihkan air mengikut jadual bekalan air yang ditetapkan. Pam yang dipasang di Rumah Pam Bukit Sena perlu beroperasi dengan baik kerana boleh memberi kesan kepada pesawah dan pendapatan pesawah.
- j. Lawatan Audit bersama pegawai JPSNK pada 6 Julai 2022 ke Rumah Pam Bukit Sena mendapati dua pam selam Nombor 1 dan Nombor 5 telah rosak seperti dalam **Gambar 7** dan **Gambar 8** serta **Gambar 9** menunjukkan pam selam "stand by". Kerosakan pam tersebut memerlukan pembaikan dan kos penyelenggaraan yang tinggi dan telah menjejaskan pengeluaran hasil padi. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan hasil pengeluaran padi bagi kesemua kawasan ini disebabkan hanya pengeluaran padi di dua kampung dilaporkan di dalam Laporan Agris Geoportal JPNK bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Pengeluaran padi bagi dua kampung terlibat adalah antara 3.07 hingga 4.18 tan metrik per hektar dan tidak mencapai pengeluaran yang disasarkan.



Rumah Pam Bukit Sena
- Panel Bagi Dua Pam yang Rosak
(06.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 9

Rumah Pam Bukit Sena
- Pam Selam *Stand By*
(06.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas JPNK pada 6 Disember 2022

Sasaran keluasan tanaman padi di luar jelapang tidak dapat ditetapkan kerana faktor-faktor pembatas seperti sumber pengairan daripada air hujan, keadaan tanah, cuaca dan lokasi sawah. Kebiasaannya setiap pesawah akan sedaya upaya mengusaha tanaman padi setiap musim sekiranya faktor pembatas dapat diatasi. Kemudahan infrastruktur bagi kawasan luar jelapang seliaan Jabatan Pertanian tidak lengkap serta jadual pengairan dan penanaman dipengaruhi oleh faktor hujan. Keadaan sawah juga mempunyai pelbagai limitasi yang mempengaruhi pengeluaran produktiviti pengeluaran padi.

Maklum Balas JPSNK pada 22 November 2022

Pam selam Nombor 1 dan Nombor 5 telah mengalami kerosakan luar jangka kerana terlalu uzur dan beroperasi pada kadar optimum menyebabkan pam mudah rosak. Kerja pembaikan pam selam Nombor 1 siap dilaksanakan pada 7 November 2021, bagaimanapun pemasangannya tidak dapat dilakukan kerana terdapat mendapan pada dasar muka sauk pam. Kerja pembaikan pam selam Nombor 5 telah siap pada 7 Ogos 2022.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, pencapaian keberhasilan daripada aspek pengeluaran padi luar jelapang adalah baik kerana telah menunjukkan sedikit peningkatan dalam purata pengeluaran tahunan padi pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

5.1.2.2. Pendapatan Pesawah

- a. Berdasarkan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran Kedah 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada bulan Julai 2020, pendapatan purata isi rumah bulanan bagi negeri Kedah pada tahun 2019 adalah berjumlah RM5,522 sebulan. Empat kategori di bawah kumpulan B40 pula adalah mengikut had pendapatan bulanan iaitu kurang daripada RM2,100 (B1), RM2,100 hingga RM2,689 (B2), RM2,690 hingga RM3,189 (B3) dan RM3,190 hingga RM3,709 (B4).
- b. Data pendapatan direkod apabila pesawah menyertai projek penanaman padi secara berkelompok sebagai peserta. Analisis Audit terhadap Laporan Agris Geoportal telah dibuat terhadap data pendapatan peserta yang terlibat dalam projek kelompok iaitu melibatkan seramai 4,300 orang pada tahun 2019, 4,100 orang pada tahun 2020 dan 3,369 orang pada tahun 2021. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, **pendapatan pesawah di lima daerah projek kelompok bagi negeri Kedah menunjukkan peningkatan dengan purata pendapatan berjumlah RM903.24 hingga RM979.31 sebulan**. Bagaimanapun, pendapatan pesawah masih rendah antara RM1,120.69 hingga 1,196.76 berbanding pendapatan minimum kumpulan pendapatan B40 (B1). Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PURATA PENDAPATAN BULANAN PESAWAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	BIL. PESAWAH (ORANG)	PENDAPATAN		
		KUMPULAN B40 (B1) (RM)	PURATA SEBENAR (RM)	BEZA (RM)
2019	4,300	2,100	903.24	1,196.76
2020	4,100	2,100	924.91	1,175.09
2021	3,369	2,100	979.31	1,120.69

Sumber: Agris Geoportal Jabatan Pertanian Negeri Kedah

- c. Antara faktor yang menyumbang purata pendapatan bulanan yang rendah adalah peratusan pemutuan padi melalui proses pemotongan adalah tinggi. Ini kerana kadar harga padi ditentukan oleh pemotongan hasil padi melalui proses pemutuan. Pemotongan padi yang tinggi akan mengurangkan harga padi dan seterusnya menjejaskan pendapatan pesawah. Pemotongan padi ditentukan dengan mengambil kira empat aspek iaitu wap basah, padi rosak, padi hijau/muda dan hampa/kekotoran. Berdasarkan Keputusan Awal, Penyiasatan

Pengeluaran Padi Peringkat Negeri Kedah mendapati perbezaan antara hasil padi bersih dan basah adalah antara 15.8% hingga 26.8% iaitu perbezaan antara 629 hingga 964 kilogram (kg) hasil padi basah dengan hasil padi bersih.

- d. Berdasarkan analisis Audit terhadap soal selidik 148 responden mendapati 104 responden dikenakan potongan padi antara 20% hingga 25% (8 hingga 13 kg) diikuti 19 responden dikenakan potongan padi antara 26% hingga 31% (14 hingga 19 kg). Hanya tujuh responden dikenakan potongan yang tinggi melebihi 31% disebabkan kerosakan padi dan serangan penyakit. Selain itu, 12 responden melibatkan lapan responden tidak memberi jawapan dan empat responden tidak terlibat dengan pemotongan kerana pesawah mengusahakan padi huma dan memproses sendiri padi tersebut.

Maklum Balas JPNK pada 6 Disember 2022

Purata pendapatan pesawah adalah rendah kerana pengeluaran padi bergantung kepada keluasan bertanam yang diusahakan dan faktor-faktor pembatas. JPNK akan mempertingkatkan program/aktiviti untuk peningkatan hasil padi.

Pendapat Audit	Secara keseluruhannya, pencapaian keberhasilan daripada aspek pendapatan pesawah adalah baik kerana berlaku peningkatan purata pendapatan bulanan pesawah walaupun masih rendah berbanding pendapatan minimum kumpulan pendapatan B40 (B1).
-----------------------	--

5.1.2.3. Soal Selidik Tahap Kepuasan Pesawah

- a. Bagi menilai tahap kepuasan pesawah terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh JPNK dan JPSNK serta pemberian subsidi yang dilaksanakan oleh LPPNK dan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), sebanyak 148 borang soal selidik telah diedarkan kepada pesawah di lima daerah iaitu Langkawi, Sik, Padang Terap, Kuala Muda dan Kulim. Kesemua 148 responden telah memberi maklum balas bagaimanapun tidak menjawab dengan lengkap soalan dalam borang yang diedarkan. Penilaian meliputi enam aspek seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
ASPEK PENILAIAN TAHAP KEPUASAN PESAWAH LUAR JELAPANG

BIL.	ASPEK PENILAIAN	AGENSI	KETERANGAN
1.	Input	JPNK	Bahan input seperti baja dan racun.
2.	Khidmat Nasihat	JPNK	Khidmat nasihat mengenai penanaman padi.
3.	Infrastruktur	JPNK dan JPSNK	Penyediaan infrastruktur seperti saliran, longkang, parit, jalan ladang.
4.	Pembekalan Peralatan	JPNK dan JPSNK	Pembekalan peralatan seperti pam air, alat penyembur racun, mesin rumput dan sebagainya.
5.	Subsidi Bajak, Racun dan Baja	LPPNK	Pengurusan subsidi bajak, racun dan baja.
6.	Subsidi Harga Padi	BERNAS	Pengurusan subsidi harga padi.

Sumber: Jabatan Audit Negara


- b. Berdasarkan maklum balas yang diterima, analisis Audit mendapati:
- i. majoriti responden sangat/berpuas hati dengan pemberian input (69.6%) dan khidmat nasihat (80.4%) oleh JPNK, pembangunan infrastruktur (66.2%) oleh JPNK dan JPSNK, pengurusan subsidi bajak, racun dan baja (62.8%) oleh LPPNK serta subsidi harga padi (56.8%) oleh BERNAS;
 - ii. seramai 65 (43.9%) responden tidak memberikan maklum balas berkaitan pembekalan peralatan kerana kebanyakan daripada mereka tidak pernah menerima pembekalan tersebut daripada JPNK atau JPSNK; dan
 - iii. hasil penilaian secara terperinci terhadap tahap kepuasan pesawah luar jelapang seperti dalam **Jadual 18** dan **Carta 1**.

JADUAL 18
PENILAIAN TAHAP KEPUASAN PESAWAH LUAR JELAPANG

BIL.	ASPEK PENILAIAN	TAHAP KEPUASAN PESAWAH (BILANGAN RESPONDEN DAN %)			
		SANGAT/ BERPUAS HATI	AGAK BERPUAS HATI	KURANG/TIDAK BERPUAS HATI	TIDAK MENJAWAB
1.	Input	103 (69.6)	15 (10.1)	9 (6.1)	21 (14.2)
2.	Khidmat Nasihat	119 (80.4)	16 (10.7)	7 (4.8)	6 (4.1)
3.	Infrastruktur	98 (66.2)	23 (15.6)	19 (12.8)	8 (5.4)
4.	Pembekalan Peralatan	64 (43.2)	11 (7.4)	8 (5.5)	65 (43.9)
5.	Subsidi Bajak, Racun dan Baja	93 (62.8)	30 (20.3)	19 (12.8)	6 (4.1)
6.	Subsidi Harga Padi	84 (56.8)	29 (19.6)	24 (16.2)	11 (7.4)

Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 1
PENILAIAN TAHAP KEPUASAN PESAWAH LUAR JELAPANG



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.2. Pengurusan Projek

5.2.1. Pengurusan Kewangan

5.2.1.1. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Bagi JPNK

- a. Bagi Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang, JPNK telah diperuntukkan sejumlah RM12.48 juta daripada Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia (RM) Ke-11 (tahun 2016 hingga 2020) dan sejumlah RM9.18 juta atau 73.6% telah dibelanjakan. Anggaran peruntukan di bawah RMKe-12 (tahun 2021 hingga 2025) pula adalah berjumlah RM12.70 juta. Sejumlah RM2.54 juta telah diperuntukkan pada tahun 2021 dan sejumlah RM2.51 juta atau 98.8% telah dibelanjakan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN JPNK DI BAWAH RMKe-11 DAN RMKe-12

SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
RMKe-11 (Tahun 2016 hingga 2020)				
12.48	2016	2.52	2.02	80.2
	2017	2.52	1.35	53.6
	2018	2.52	1.06	42.1
	2019	2.42	2.26	93.4
	2020	2.50	2.49	99.6
JUMLAH		12.48	9.18	73.6
RMKe-12 (Tahun 2021 hingga 2025)				
12.70	2021	2.54	2.51	98.8
JUMLAH		2.54	2.51	98.8

Sumber: Buku Bajet dan Penyata Kewangan

- b. Peruntukan bagi Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang yang berjumlah RM7.46 juta bagi tahun 2019 hingga 2021 meliputi enam program iaitu Peningkatan Hasil Tanaman Padi, Peningkatan Kemudahan Jalan Ladang, Program Sawah Gemilang, Galakan dan Promosi Penggunaan Teknologi Baru, Pembangunan Usahawan Padi serta Penyelenggaraan dan Pengendalian. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tiga tahun tersebut, **sejumlah RM7.26 juta atau 97.3% telah dibelanjakan. Perbelanjaan terbesar digunakan untuk Program Peningkatan Hasil Padi iaitu berjumlah RM2.70 juta.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 20.**

JADUAL 20
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGIKUT PROGRAM JPNK
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

NAMA PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)			JUMLAH	PENCAPAIAN (%)
		TAHUN				
		2019	2020	2021		
Peningkatan Hasil Tanaman Padi	2.70	0.70	1.00	1.00	2.70	100.0
Peningkatan Kemudahan Jalan Ladang	1.48	0.49	0.47	0.50	1.46	98.6
Program Sawah Gemilang	2.60	0.93	0.80	0.78	2.51	96.5
Galakan dan Promosi Penggunaan Teknologi Baru	0.55	0.08	0.20	0.20	0.48	87.3
Pembangunan Usahawan Padi	0.08	0.04	0	0.03	0.07	87.5
Penyelenggaraan dan Pengendalian	0.05	0.02	0.02	0	0.04	80.0
JUMLAH	7.46	2.26	2.49	2.51	7.26	97.3

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

5.2.1.2. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Bagi JPSNK

- a. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan perbelanjaan pembangunan kepada JPSNK bagi meningkatkan sistem pengairan dan saliran skim kecil/dalam skim dan luar skim. Selain itu, peruntukan Program Pemodenan Peralatan Mekanikal dan Elektrikal Skim Pengairan dan Saliran dan Tebatan Banjir juga disalurkan kepada BPME, JPSNK. Bagi program tersebut, JPSNK telah menerima sejumlah RM26.17 juta di bawah RMKe-11 (tahun 2016 hingga 2020) dan sejumlah RM19.10 juta atau 73.0% telah dibelanjakan. Anggaran peruntukan di bawah RMKe-12 (tahun 2021 hingga 2025) pula adalah berjumlah RM28 juta. Sejumlah RM5.56 juta telah diperuntukkan pada tahun 2021 dan sejumlah RM5.25 juta atau 94.4% telah dibelanjakan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN JPSNK DI BAWAH RMKe-11 DAN RMKe-12

SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
RMKe-11 (Tahun 2016 hingga 2020)				
26.17	2016	5.00	2.98	59.7
	2017	5.00	3.00	60.0
	2018	6.24	3.65	58.5
	2019	5.93	5.71	96.3
	2020	4.00	3.76	94.0
JUMLAH		26.17	19.10	73.0
RMKe-12 (Tahun 2021 hingga 2025)				
28.00	2021	5.56	5.25	94.4
JUMLAH		5.56	5.25	94.4

Sumber: Buku Bajet dan Penyata Kewangan

- b. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, **JPSNK telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM15.49 juta dan sejumlah RM14.72 juta atau 95.0% telah dibelanjakan bagi program tersebut**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGIKUT PROGRAM JPSNK
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)				PENCAPAIAN (%)
		TAHUN			JUMLAH	
		2019	2020	2021		
Peningkatan Sistem Pengairan dan Saliran Skim	6.40	2.47	1.54	2.02	6.03	94.2
Peningkatan Sistem Pengairan dan Saliran Luar Skim	7.24	2.50	2.08	2.26	6.84	94.5
Pemodenan Peralatan Mekanikal dan Elektrikal Skim Pengairan dan Saliran dan Tebatan Banjir	1.85	0.74	0.14	0.97	1.85	100
JUMLAH	15.49	5.71	3.76	5.25	14.72	95.0

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah

Pendapat Audit | Prestasi perbelanjaan pembangunan di JPNK dan JPSNK adalah baik kerana jumlah peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan melebihi 90%.

5.2.2. Pengurusan Peralatan dan Input Pertanian

- a. Penggunaan mesin, jentera dan peralatan ladang yang bersesuaian adalah diperlukan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan tanaman bagi maksud kawalan rumpai, makhluk perosak dan aktiviti lain berkaitan aspek peningkatan hasil dan pengurusan projek. Ini termasuk keperluan dan peralatan seperti pam air bagi meningkatkan pengurusan sistem pengairan sawah, penggunaan *drone* (bagi promosi teknologi baharu dalam tanaman padi dan mempercepatkan aktiviti menabur benih, membaja dan meracun di kawasan sawah padi) serta jentera yang bersesuaian. Peralatan yang dibekalkan boleh diguna dan dimanfaatkan segera oleh pesawah. Perolehan peralatan dibuat oleh JPNK dan diserahkan kepada PPD untuk diagihkan kepada pesawah terlibat.
- b. Semakan Audit terhadap 37 baucar bayaran bagi bekalan berjumlah RM0.84 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 mendapati perkara berikut:


- i. tempoh penyerahan **empat unit *Insik Cyclonic Trap*** berjumlah **RM15,200** mengambil masa **172 hingga 259 hari** untuk **diserahkan kepada pesawah** berdasarkan maklumat di Borang Akuan Penerimaan Input/Peralatan/Mesin/Jentera. Selain itu, **seunit *Insik Cyclonic Trap*** berjumlah **RM3,800** belum diserahkan oleh PPD **kepada** pesawah di Kampung Baru Teluk, Langkawi dan masih berada dalam stor PPD seperti dalam **Gambar 10**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
TEMPOH SERAHAN *INSIK CYCLONIC TRAP* KEPADA PESAWAH PADA TAHUN 2021

PENEMPATAN (LOKASI)	TARIKH			TEMPOH SERAHAN	
	JPNK TERIMA (a)	PPD TERIMA (b)	SERAH KEPADA PESAWAH (c)	KEPADA PPD (HARI) (a-b)	KEPADA PESAWAH (HARI) (a-c)
Kampung Baru Teluk, Langkawi	28.11.2021	13.06.2022	Belum Diserahkan	201	Belum Diserahkan
Kampung Charuk Kering, Pendang	28.11.2021	14.06.2022	09.08.2022	202	259
Kampung Padang Regent, Kuala Muda	28.11.2021	07.04.2022	16.05.2022	132	172
Kampung Tanjung Besar, Sik	28.11.2021	12.04.2022	13.06.2022	134	197
Kampung Pantai Cicar, Baling	28.11.2021	12.04.2022	20.04.2022	134	173

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

GAMBAR 10



Stor Pejabat Pertanian Daerah Langkawi
- *Insik Clyclonic Trap* yang Belum Diserahkan Kepada Pesawah
(26.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. **penyerahan sembilan unit Pam Air** berjumlah **RM82,220** yang **dibeli pada tahun 2021** mengambil masa **antara 178 hingga 388 hari** berdasarkan maklumat di Borang Penerimaan/Jentera Dan Peralatan Pertanian seperti dalam **Jadual 24**.


JADUAL 24
TEMPOH SERAHAN PAM AIR DIESEL 2" DAN 3" KEPADA PESAWAH

JENIS PAM	PENEMPATAN/ KUANTITI	AMAUN (RM)	TARIKH			TEMPOH SERAHAN	
			JPNK TERIMA (a)	PPD TERIMA (b)	SERAH KEPADA PESAWAH (c)	KEPADA PPD (HARI) (b) – (a)	KEPADA PESAWAH (HARI) (c) – (b)
Pam Air Diesel 2"	Kampung Seberang, Padang Terap (1 Unit)	4,980	13.07.2021	26.08.2021	06.01.2022	44	178
	Kampung Pisang, Padang Terap (1 unit)	4,980		26.08.2021	06.01.2022	44	178
	Kampung Betong, Sik (1 unit)	4,980		29.08.2021	03.08.2022	47	388
	Kampung Penia, Kubang Pasu (1 unit)	4,980		09.08.2021	30.03.2022	27	262
	Kampung Kubu, Kubang Pasu (1 unit)	4,980		09.08.2021	24.03.2022	27	256
Pam Air Diesel 3"	Kampung Teluk Wang, Kuala Muda (1 unit)	14,330	13.07.2021	20.12.2021	26.01.2022	160	357
	Kampung Berapit, Kuala Muda (1 unit)	14,330		20.12.2021	26.01.2022	160	357
	Kampung Tanjung Belit, Kulim (2 unit)	28,660		15.12.2021	15.12.2021	143	286
JUMLAH		82,220					

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

- iii. **satu unit *Agriculture Drone* yang telah diterima pada 30 November 2020 tidak digunakan dan disimpan di stor** Bahagian Kejuruteraan Pertanian seperti dalam **Gambar 11**. Satu unit *Agriculture Drone* lagi telah dipinjamkan kepada Bahagian Pengembangan Industri Tanaman (BPIT) pada 5 Mei 2021. Bagaimanapun, borang KEW.PA-9 bagi *drone* tersebut tidak diselenggara.

GAMBAR 11




Stor Komunikasi di JPNK
- *Agriculture Drone* Belum Digunakan
(17.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. **enam bekalan berjumlah RM177,783 dilaksanakan tidak mengikut perancangan (Format A) bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021** di bawah Program Galakan dan Promosi Penggunaan Teknologi Baru seperti dalam **Jadual 25**. Pembekalan dibuat disebabkan keperluan teknologi baharu dan program semasa anjuran Jabatan. Antara bekalan yang dilaksanakan tanpa perancangan adalah cetakan Buku Laporan Tahunan 2018 JPNK seperti dalam **Gambar 12** dan pembungkusan beras huma seperti dalam **Gambar 13**.

JADUAL 25
BEKALAN YANG DILAKSANAKAN TANPA PERANCANGAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH (RM)
TAHUN 2019			
1.	Bayaran membekal beras wangi untuk Program Promosi Teknologi Beras Wangi Kedah Projek Padi Kampung Padang Balai daerah Padang Terap	300	1,794
2.	Bayaran perkhidmatan mencetak Buku Laporan Tahunan 2018 JPNK	150	16,500
JUMLAH			18,294
TAHUN 2020			
1.	Kerja-kerja membekal dan menghantar dua unit <i>Agriculture Drone</i> Ke JPNK	2	132,000
2.	Perkhidmatan mereka dan mencetak bahan pembungkus Beras Huma untuk Projek Pertanian di daerah Sik	1	19,000
JUMLAH			151,000
TAHUN 2021			
1.	Bayaran membekal dan menghantar 225 beg (2kg/beg) beras wangi bagi Program Promosi Beras Wangi Kedah sempena Karnival Asas Tani	225	3,375
2.	Bayaran membekal dan menghantar paip <i>hdpe</i> , paip <i>ldpe</i> , <i>polytank</i> dan <i>driptape</i> kepada usahawan-usahawan pertanian JPNK 2021	12	5,114
JUMLAH			8,489
JUMLAH KESELURUHAN			177,783

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah



GAMBAR 12

Pejabat Jabatan Pertanian Negeri Kedah
- Buku Laporan Tahunan 2018
(30.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 13

Pejabat Pertanian Daerah Sik
- Pembungkus Beras Huma
(23.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Berdasarkan Laporan TAHAP Tahun 2019 dan 2020, **dua bekalan yang dirancang berjumlah RM129,000 tidak dilaksanakan** melibatkan pembekalan dua unit mesin *baler* yang berjumlah RM79,000 dan satu unit Telaga Tiub saiz 3" Diesel berjumlah RM50,000. Perolehan bekalan mesin baler telah dibatalkan kerana pembekal tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan. Kerja-kerja menggali Telaga Tiub saiz 3" Diesel pula tidak dilaksanakan disebabkan hasil siasatan awal oleh Pusat Kejuruteraan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mendapati kawasan tersebut tidak mempunyai sumber air bawah tanah. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
BEKALAN YANG DIRANCANG TIDAK DILAKSANAKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 DAN 2020

BIL.	LOKASI	BUTIRAN BEKALAN	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH (RM)
TAHUN 2019				
1.	Ibu Pejabat JPNK	Mesin <i>Baler</i>	2	79,000
JUMLAH				79,000
TAHUN 2020				
1.	Kampung Sungai Pasir, Kuala Muda	Telaga Tiub saiz 3" Diesel	1	50,000
JUMLAH				50,000
JUMLAH KESELURUHAN				129,000

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Maklum Balas JPNK pada 6 Disember 2022

Penghantaran *Insik Cyclonic Trap* kepada PPD mengambil masa disebabkan JPNK merancang untuk menyerahkan peralatan ini semasa Program Kawalan Perosak Bersepadu Negeri Kedah bersama Bahagian Bio-Sekuriti Tanaman secara berkala bermula bulan April hingga Jun 2022. PPD juga telah merancang untuk mengadakan Majlis Penyerahan kepada peserta bermula bulan April hingga Ogos 2022 secara

berkala. Peralatan ini telah dibuat penyerahan dalam majlis peringkat negeri dan daerah. Semua perolehan terutama pam dan mesin berenjin yang dihantar ke ibu pejabat JPNK akan diuji lari sebelum dihantar kepada golongan sasaran. Penghantaran akan mengambil kira faktor kesediaan pengangkutan, keperluan projek, ketersediaan projek dan golongan sasaran. Satu unit *drone* telah digunakan oleh BPIT sebagai percubaan dan latihan kepada pengendalian *drone*. Satu unit *drone* belum digunakan kerana dirancang untuk kegunaan di lapangan sewaktu *outbreak* penyakit dan perosak atau bencana melanda.

Pendapat Audit | **Pengurusan peralatan dan input pertanian adalah kurang memuaskan kerana penyerahan *Insik Cyclonic Trap* dan pam air mengambil tempoh masa yang panjang untuk diserahkan kepada pesawah untuk manfaat segera.**

5.2.3. Pengurusan Rekod

5.2.3.1. Data Sistem Agris Geoportal JPNK Tidak Dikemas Kini

- a. Sistem Agris Geoportal dibangunkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia pada tahun 2006 hingga 2008 dan mula digunakan pada tahun 2009. Objektif pembangunan sistem tersebut adalah untuk mewujudkan satu kaedah pengumpulan data yang standard dan seragam. Selain itu, sistem ini juga adalah untuk meningkatkan ketepatan data, kesediaan data dan mengelakkan pertindihan data serta mempercepatkan proses pelaporan dan statistik maklumat pertanian. Sistem ini berasaskan web yang menguruskan maklumat antaranya Profil Usahawan Tani/Industri Asas Tani (IAT), Profil Tanaman, Profil Projek dan Pengeluaran Hasil Tanaman/IAT daripada setiap PPD. Antara data yang dimasukkan bagi kategori tanaman padi adalah luas bertanam mengikut nama projek kelompok.
- b. Semakan Audit terhadap data Agris Geoportal bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 mendapati data luas bertanam di tiga daerah iaitu Baling, Langkawi dan Bandar Baharu dikunci masuk hanya semusim manakala data luas bertanam bagi tiga daerah iaitu Padang Terap, Kulim dan Pendang pula telah dikunci masuk bagi dua musim. Bagi data luas bertanam di daerah Kuala Muda pula ada dikunci masuk semusim dan dua musim.
- c. Pihak Audit mendapati **tiada keseragaman data dikunci masuk sama ada semusim atau dua musim. Hal ini boleh menjejaskan ketepatan data kiraan luas bertanam yang sepatutnya dilaporkan.**

5.2.3.2. Pengurusan Dokumen Pewartaan Skim Pengairan

- a. Perenggan 8.3, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 mengenai Panduan Pengurusan Pejabat menetapkan Ketua Jabatan perlu mengambil tindakan yang sesuai untuk menyelenggara dan memelihara rekod awam dari sebarang kerosakan, kemusnahan dan kehilangan semasa dalam jagaan mereka. Dokumen warta adalah penting bagi membuktikan kawasan tersebut telah diwartakan bagi melindungi kepentingan tujuan asal penggunaannya.
- b. Semakan Audit mendapati JPSNK menyelenggara 54 skim pengairan aktif melibatkan keluasan 12,811 hektar. Bagaimanapun, **dokumen warta bagi semua skim pengairan tersebut tiada dalam simpanan JPSNK.** Berdasarkan daftar skim yang diselenggara JPSNK, 40 skim pengairan berkeluasan 10,922 hektar telah dibuat pewartaan kerana mempunyai maklumat pewartaan iaitu nombor peta, nombor warta dan tarikh kuat kuasa manakala tiada maklumat warta bagi baki 14 skim pengairan berkeluasan 1,889 hektar.

Maklum Balas JPSNK pada 22 November 2022

Permohonan mendapatkan salinan warta skim JPS kepada PTG telah dibuat pada 14 September 2022 dan dalam proses pengumpulan maklumat.

Pendapat Audit | **Pengurusan rekod adalah kurang memuaskan kerana data yang dikunci masuk adalah kurang tepat serta dokumen pewartaan skim pengairan tiada dalam simpanan JPSNK.**

5.2.3.3. Perbezaan Data Antara Jabatan dan Agensi

- a. **Data Keluasan Pasel Padi dan Keluasan Bertanam Dalam Skim Antara JPSNK dan JPNK**
 - i. Subseksyen 5(1) Akta Kawasan Pengairan 1953 menyatakan walau apa pun yang bertentangan dengan yang terkandung dalam Seksyen 3 Ordinan Penanaman Padi Negeri-Negeri Selat, tiada tanah di dalam kawasan pengairan yang mana seksyen ini terpakai boleh digunakan bagi apa-apa maksud selain daripada penanaman padi, tanpa kebenaran pegawai itu sebagaimana yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi

pihak itu, selepas ini dirujuk sebagai pegawai yang diberi kuasa. Berdasarkan Sistem Maklumat Geospasial Padi, laman sesawang Agensi Angkasa Malaysia/*Malaysian Space Agency* (MYSA) menyatakan terminologi luas kawasan padi seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
TERMINOLOGI LUAS KAWASAN PADI

TERMINOLOGI	HURAIAN
Luas Fizikal/Keluasan Kasar Skim	Keluasan kasar keseluruhan yang merangkumi oleh sempadan skim termasuk bendang, jalan ladang, tali air, parit, struktur-struktur, kampung, dusun dan sebagainya. Luas fizikal = Luas pabel padi + Luas Bukan Pabel Padi
Pabel Padi Aktif	Pabel padi yang bertanam padi sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun atau lima musim berturut-turut
Luas Bertanam	Keluasan sebenar tanah yang bertanam padi pada musim tersebut

Sumber: Sistem Maklumat Geospasial Padi, Laman Sesawang MYSA

- ii. Semakan Audit terhadap Keputusan Awal Penyiasatan Keluasan Aktiviti Tanaman Padi yang disediakan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Pengeluaran Padi Peringkat Kebangsaan bagi Musim Utama 2019/2020, **perbezaan data pabel padi dan keluasan bertanam bagi kawasan luar jelapang antara JPNK dan JPSNK** adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
PERBEZAAN DATA PABEL PADI DAN KELUASAN BERTANAM
KAWASAN DALAM SKIM MENGIKUT DAERAH ANTARA JPSNK DAN JPNK

DAERAH	DATA					
	KELUASAN PABEL PADI DALAM SKIM (HEKTAR)			KELUASAN BERTANAM DALAM SKIM (HEKTAR)		
	JPSNK	JPNK	BEZA	JPSNK	JPNK	BEZA
Bandar Baharu	953	944	9	944	835	109
Kulim	957	933	24	748	643	105
Kuala Muda	5,812	4,903	909	4,814	4,845	(31)
Sik	695	592	103	592	530	62
Baling	1,129	1,098	31	1,098	661	437
Yan	382	381	1	381	381	0
Kota Setar/Pokok Sena	261	0	261	261	0	261
Pandang	60	0	60	0	0	0
Kubang Pasu	1,225	1,119	106	1,402	1,119	283
Padang Terap	327	343	(16)	312	343	(31)
Langkawi	1,010	1,415	(405)	1,415	1,380	35
JUMLAH	12,811	11,728	1,083	11,967	10,737	1,230

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah dan Jabatan Pertanian Negeri Kedah

- iii. Berdasarkan **Jadual 28**, JPSNK mengambil kira keluasan bertanam di daerah Kota Setar/Pokok Sena bagi Skim Pengairan Nawa Budi, Pokok Sena. Berdasarkan rekod JPNK pula, tiada penanaman padi dibuat di skim tersebut. Selain itu, data JPSNK dan JPNK juga menunjukkan tiada penanaman padi di daerah Pendang. Lawatan Audit bersama pegawai JPSNK pada 28 Ogos 2022 ke Skim Pengairan Nawa Budi, Pokok Sena dan Skim Pengairan Gelung Gajah, Pendang menunjukkan kawasan tersebut masih diusahakan tanaman padi seperti dalam **Gambar 14** hingga **Gambar 17**.

GAMBAR 14



Kampung Budi,
Skim Pengairan Nawa Budi, Pokok Sena
- Kawasan yang Masih Diusahakan Penanaman Padi
Tetapi Tiada Rekod di JPNK
(28.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15



Kampung Gelong Gajah,
Skim Pengairan Gelong Gajah, Pendang
- Kawasan yang Masih Diusahakan Penanaman Padi
Tetapi Rekod di JPNK dan JPSNK Tidak Bertanam
(28.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16



Kampung Budi,
Skim Pengairan Nawa Budi, Pokok Sena
- Kawasan yang Masih Diusahakan Penanaman Padi
Tetapi Tiada Rekod JPNK
(28.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



Kampung Gelong Gajah,
Skim Pengairan Gelong Gajah, Pendang
- Kawasan yang Masih Diusahakan Penanaman Padi
Tetapi Tiada Rekod di JPNK dan JPSNK
(28.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Perbezaan data keluasan bertanam di Daerah Kulim dan Padang Terap pula disebabkan kawasan penanaman padi dalam skim tersebut digunakan untuk aktiviti lain. Lawatan Audit bersama pegawai JPNK dan JPSNK yang dijalankan pada 5 Julai 2022 ke Skim Pengairan Titi Karangan, Kulim dan 11 Ogos 2022 ke Skim Pengairan Kurong Hitam, Padang Terap mendapati kawasan penanaman padi telah ditanam dengan tanaman lain seperti pokok kelapa, kelapa sawit dan pisang. **Gambar 18** hingga **Gambar 21**

menunjukkan kawasan telah digunakan untuk tujuan lain selain penanaman padi. Perbezaan keluasan bertanam boleh berlaku kerana pesawah tidak mengusahakan tanaman padi pada musim tersebut. Bagaimanapun, bagi data keluasan pasel padi sepatutnya tidak berlaku perbezaan antara JPNK dan JPSNK kerana keluasan ini telah ditetapkan bagi aktiviti penyiasatan pengeluaran padi setiap tahun.

GAMBAR 18



Kampung Gajah Merangkak, Kulim,
Skim Pengairan Titi Karang
- Tanah Sawah yang Ditanam Pokok Pisang
(05.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



Kampung Gajah Merangkak, Kulim,
Skim Pengairan Titi Karang
- Tanah Sawah yang Ditanam Pokok Kelapa Sawit
(05.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20



Kampung Bukit Nyamuk, Padang Terap
Skim Pengairan Kurong Hitam
- Tanah Sawah yang Ditanam Pokok Kelapa Sawit
(11.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 21



Kampung Bukit Nyamuk, Padang Terap
Skim Pengairan Kurong Hitam
- Tanah Sawah yang Ditanam Pokok Kelapa
(11.08.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas JPNK pada 6 Disember 2022

JPNK telah mengambil kira data keluasan seperti mana yang diputuskan dalam Mesyuarat Penyiasatan Padi dan dilaksanakan mengikut bancian bulanan kesemua blok padi yang disahkan aktif. Kaedah membuat anggaran keluasan secara *eye estimate* berasas blok padi yang dikawal.

Maklum Balas JPSNK pada 22 November 2022

Keluasan Skim Pengairan JPSNK melibatkan keseluruhan skim pengairan yang meliputi kawasan penanaman padi serta infrastruktur pengairan dan saliran seperti jalan ladang, tali air, parit, lintasan dan rumah pam. Mengikut rekod JPS Kota Setar/Pendang/Yan, Skim Pengairan Nawa Budi dan Skim Pengairan Gelung Gajah masih lagi aktif untuk aktiviti penanaman padi.

b. Perbezaan Data Keluasan Bertanam Luar Jelapang Antara JPNK Dan LPPNK


- i. Semakan Audit mendapati berlaku perbezaan data keluasan bertanam pada M1/2020 berjumlah 8,041.91 hektar antara JPNK dan LPPNK adalah masing-masing 34,981.91 hektar dan 26,940 hektar. Perbandingan ini dibuat berdasarkan data di Laporan Ringkasan Maklumat Peladang Didaftarkan SBPKP M1/2020 yang diselenggara oleh LPPNK dan Keputusan Awal, Laporan Jawatankuasa Penyiasatan Pengeluaran Padi Peringkat Kebangsaan bagi Musim Utama 2019/2020 yang dilaporkan oleh JPNK.
- ii. Lawatan Audit bersama-sama pegawai JPNK pada 20 Julai 2022 dan 27 Julai 2023 ke daerah Kuala Muda dan Langkawi pada menunjukkan kawasan penanaman padi telah ditambun dengan tanah seperti dalam **Gambar 22** dan **Gambar 23**. Lawatan Audit yang dijalankan pada 24 Ogos 2022 ke daerah Kuala Muda pula mendapati kawasan penanaman padi telah ditambun tanah serta diusahakan penanaman jagung seperti dalam **Gambar 24**.

GAMBAR 22



Kampung Sungai Jagung, Kuala Muda
- Kawasan Penanaman Padi Telah Ditambun Tanah
(20.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 23



Kampung Teluk Baru, Langkawi
- Kawasan Penanaman Padi Telah Ditambun Tanah
(27.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 24

Kampung Kepala Bukit, Gurun, Kuala Muda
 - Kawasan Penanaman Padi Telah Ditanam Jagung
 Sejak Tahun 2001
 (24.08.2022)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas JPNK pada 06 Disember 2022

Keluasan bertanam berbeza dengan data LPPNK disebabkan keluasan ini masih berada dalam kawasan pabel padi. Pengeluaran kawasan pabel padi ini memerlukan tempoh sehingga lima musim atau tiga tahun penanaman dan kawasan ini tidak ditanam secara berterusan. Petani juga telah bertukar tanaman sayuran dan jagung. Proses pemutihan dan permohonan untuk keluar kawasan ini dari pabel tanaman masih belum diterima.

Maklum Balas LPPNK pada 15 November 2022

Data keluasan bertanam adalah mengikut Garis Panduan Manual Pelaksanaan SBPKP dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penapis setiap musim penanaman. Semakan semula pendaftaran pesawah dilakukan pada setiap awal musim penanaman padi. Pemeriksaan terhadap lot tanah dibuat dan hasil siasatan dikemukakan kepada Jawatankuasa Penapis bagi tujuan pengemaskinian maklumat dan keluasan sebenar tanah yang diusahakan.

Pendapat Audit	Tiada penyelarasan antara jabatan dan agensi menyebabkan berlaku perbezaan data keluasan pabel padi dan keluasan bertanam. Aktiviti pemutihan kawasan luar jelapang yang belum dilaksanakan di negeri Kedah juga menyebabkan berlaku perbezaan data antara jabatan dan agensi terlibat.
-----------------------	--

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel pengauditan dapat dirumuskan Pengurusan Projek Pembangunan Industri Padi Luar Jelapang adalah baik kerana berlaku peningkatan purata pengeluaran padi tahunan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019, penyelenggaraan infrastruktur yang dirancang oleh JPSNK telah dilaksanakan dan peruntukan pembangunan di JPNK dan JPSNK telah dibelanjakan melebihi 90%. Bagaimanapun terdapat kelemahan daripada aspek pengurusan aktiviti seperti penyerahan peralatan pertanian mengambil tempoh masa yang panjang, perbezaan data keluasan pasel padi dan keluasan bertanam serta dokumen pewartaan skim pengairan tiada dalam simpanan.

7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dan perkara yang sama tidak berulang pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara mengesyorkan pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 7.1. JPNK perlu menetapkan sasaran bagi pengeluaran tan metrik padi dan keluasan bertanam padi supaya prestasi projek dapat diukur dan dinilai dari semasa ke semasa;
- 7.2. JPSNK perlu menyediakan jadual penyelenggaraan berkala bagi tujuan memohon peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri;
- 7.3. JPNK perlu menyediakan penetapan masa penyerahan peralatan pertanian supaya ianya dapat diagih dan digunakan pada kadar segera oleh pesawah; dan
- 7.4. koordinasi antara jabatan/agensi yang terlibat perlu dibuat bagi menyelesaikan masalah pengurusan rekod. Penyelarasan dan pemutihan adalah penting bagi memastikan pemberian subsidi baja padi dan racun dapat diberikan hanya kepada pesawah yang layak berdasarkan keluasan bertanam sebenar.